

17 DEC 1999

Malaysia-Quran

M'SIA NEGARA PERTAMA SIMPAN PENDUA AL-QURAN SAIDINA OTHMAN

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Malaysia mencatat satu lagi sejarah hari ini sebagai negara pertama menyimpan naskah pendua kitab al-Quran yang dibaca oleh Khalifah Saidina Othman, ketika baginda dibunuh.

Pendua al-Quran, yang disalin semula dengan tepat daripada naskah asal yang tersimpan rapi di Pusat Islam Uzbekistan di Tashkent itu, diserahkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti Datuk Dr Kamarul Baharin Buyong oleh pakar khat (kaligrafi) Uzbekistan Sheikh Habibullah Ismail Solih, yang menghasilkan sendiri replika itu.

"Mushaf (pendua) satu-satunya ini dibuat dan dipersembahkan dengan rasa kasih sayang dan perhubungan antara Uzbekistan dan Malaysia," kata Habibullah pada majlis penyerahan kibab suci itu di Jabatan Muzium dan Antikuiti di sini petang ini.

Habibullah, yang bercakap dalam bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan dan Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) berkata, beliau mengambil masa dua tahun untuk menyudahkan replika al-Quran itu.

Al-Quran asal Saidina Othman yang disimpan di Tashkent dan masih mempunyai kesan darah baginda yang mati ditikam, telah diiktiraf sebagai salah satu bahan kenangan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco).

Dr Kamarul Baharin berkata, pendua al-Quran yang unik dan bersejarah itu akan disemak oleh para pegawai Jawi terlebih dahulu sebelum dipamerkan kepada orang ramai pada tahun hadapan.

Menurut Habibullah, kitab asal yang disimpan di Tashkent itu, berusia kira-kira 1,400 tahun dan mempunyai kesan darah Saidina Othman pada helaian ke 24 surah al-Baqarah dan beberapa helai muka surat yang lain, tetapi kesan itu adalah tinggalan setelah darah itu dikesat.

Al-Quran asal itu ditulis atas kepingan kulit kijang dan dibawa dari Kuffa, sebuah pekan kecil di Iraq ke Tashkent (dulunya Samarkand) oleh Panglima Islam Timurlane selepas beliau menawan Iraq pada ketika itu.

Dr Kamarul Baharin berkata, berdasarkan sumber-sumber yang dipercayai, pada masa ini hanya terdapat empat naskah al-Quran asli yang ditulis dan dihasilkan pada zaman Saidina Othman dan masing-masing sebuah disimpan di Pusat Islam Uzbekistan di Tashkent, makam Saidina Hussain di Kaherah, Muzium Islam Istanbul dan Muzium Topkapi Istanbul.

Katanya, beberapa sumber zaman pertengahan menyebut bahawa al-Quran asli zaman Saidina Othman yang terdapat di Damsyik, Madinah, Mekah, Kuffa, Homsa dan Basra telah hilang, dan salinan di Cardoba dipercayai tenggelam di lautan.

Menurut Habibullah, beliau terpaksa mencuba sebanyak 50 kali untuk mendapatkan ketepatan tulisan khat mengikut tulisan asal daripada segi tebal dan nipisnya huruf-huruf itu.

Tulisan al-Quran itu adalah jenis khat nasaf hijazi lama dan termasuk dalam jenis khat kufi tetapi keseluruhan tulisan itu tidak ditemui lagi di tempat asalnya di Kuffa, Iraq walaupun ia diasaskan di situ.

"Menyalin semula al-Quran ini agak rumit kerana ada di antara helaiannya renyuk dan ada huruf-huruf yang hilang," katanya.

Al-Quran pendua itu ditulis di atas kertas jenis Parchmarque Vegetable parchment berukuran 700mm x 1,000mm dengan menggunakan dakwat kaligrafi hitam kekal.

Habibullah, 50, yang menulis khat sejak berusia tujuh tahun, ialah

lulusan syariah Universiti Jordan dan kini menjalankan kajian perbandingan mengenai mushaf al-Quran Saidina Othman yang masih terdapat di dunia di Universiti Islam Uzbekistan.

Dr Kamarul Baharin berkata, hasrat Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan salinan pendua al-Quran Saidina Othman yang boleh dikatakan tertua di dunia itu timbul setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Pusat Islam Uzbekistan, di Tashkent.

"Maka timbul hasrat Kerajaan Malaysia untuk mendapat salinan atau pendua al-Quran itu untuk diabadikan dalam muzium di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

AFY PR